

**APLIKASI KAEDAH TAFSIR DALAM KAEDAH
PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

ABDUL HANIS BIN EMBONG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

APLIKASI KAEDAH TAFSIR DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

oleh

ABDUL HANIS BIN EMBONG

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2017

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, *ahl al-bayt*, para Sahabat Baginda r.ah dan para *tābi'in* r.ah. Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi hidayah dan taufik-Nya kepada penyelidik untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT melihat usaha penyelidikan ini sebagai suatu ibadah dan bakal memberikan manfaat kepada masyarakat. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, terakam sumbangan insan-insan yang berada di sebalik penghasilan tesis ini.

Dalam proses menyiapkan tesis ini, penyelidik sangat terhutang budi dan ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih serta penghargaan atas bantuan yang diberikan secara langsung mahupun tidak langsung. Paling tidak, ada lima pihak yang patut disebutkan di sini. Pertama, kepada Dr. Mohd Shukri Hanapi selaku penyelia utama dan Dr. Shahir Akram Hassan selaku penyelia bersama yang sedikitpun tidak merasa jemu untuk membimbing dan sentiasa memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, dan cadangan-cadangan bernas sejak dari permulaan kajian ini dilakukan sehinggalah ia dapat diselesaikan. Sesungguhnya Allah SWT sahajalah sebaik-baik pemberi ganjaran buat kedua-dua penyelia penyelidik ini.

Kedua, kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh, Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari, Dr. Fadzila Azni Ahmad, Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi, Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan, dan Dr. Azrin Ibrahim yang menjadi tempat rujukan penyelidik. Kepakaran dan kemesraan mereka sangat memberi manfaat untuk percambahan idea dalam kajian ini.

Ketiga, jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi peluang penyelidik untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dengan menyediakan bayaran yuran serta perbelanjaan sepanjang proses pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM). Begitu juga pihak perpustakaan yang menjadi tempat penyelidik menelaah pelbagai rujukan bagi menyiapkan tesis ini, antaranya Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA); Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM); Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Perpustakaan Universiti Malaya (UM); Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM); Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT); dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

Keempat, kepada rakan seperjuangan di USM khususnya di ISDEV yang sering memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan layanan yang baik kepada penyelidik. Antaranya ialah Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Dr. Mohd Syahmir Alias, Ustaz Tengku Mohd Nasir Tuan Mat, Dr. Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar, Ustazah Nur Sakiinah Ab Aziz, Ustaz Azizan Sarayon dan seluruh rakan-rakan di setiap peringkat pengajian penyelidik yang membantu secara langsung atau tidak

langsung. Semoga Allah SWT memberi ganjaran terbaik buat mereka atas kebaikan yang banyak terhadap penyelidik.

Kelima, penghargaan teristimewa kepada ayahanda dan bonda penyelidik yang dicintai, Haji Embong Ismail dan Hajah Norma Minsin atas doa restu yang pastinya tidak putus-putus, serta dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Buat Isteri tercinta Nur Zahirah Mohd Yassin dan anak, Aisyah al-Humairaa yang berkorban sepanjang proses pengajian penyelidik. Ibu dan ayah mertua penyelidik, Puan Mariah Ahmad dan Encik Mohd Yassin Jusoh yang turut membantu secara tidak langsung. Semoga Allah SWT merahmati ahli keluarga penyelidik yang dikasihi ini.

Sebagai akhir kalam, penyelidik amat bersyukur kepada Allah SWT atas peluang yang diberikan di dunia ini khususnya melanjutkan pelajaran pada peringkat ini. Semua nikmat yang terdiri daripada keimanan, ketakwaan, kewangan, kesihatan, kelapangan waktu dan lain-lain merupakan sebab utama terhasilnya tesis ini. Semoga semua ilmu yang diperoleh penyelidik menjadi jambatan kukuh menuju keredaan Allah SWT dan memasuki syurga Allah SWT.

Abdul Hanis Embong
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

7 Julai 2017

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
ABSTRAK	xvi
<i>ABSTRACT</i>	xviii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Sejarah Perkembangan dan Pembahagian kaedah tafsir	11
1.2.3 Keperluan Kepada Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	33
1.3 Pernyataan Masalah	38
1.4 Objektif Kajian	46
1.5 Persoalan Kajian	47
1.6 Definisi Operasional Kajian	49
1.6.1 Aplikasi	49
1.6.2 Kaedah	50
1.6.3 Tafsir	51
1.6.4 Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	59
1.7 Skop dan Batasan Kajian	60
1.8 Kepentingan Kajian	63
1.9 Sumbangan Kajian	64
1.10 Organisasi Tesis	65
1.11 Rumusan	67

BAB 2: KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	68
2.2	Kajian Lepas	68
2.2.1	Kajian Konsep Kaedah Tafsir	69
2.2.1 (a)	Kajian Pendekatan Tafsir	70
2.2.1 (b)	Kajian Corak Tafsir	74
2.2.1 (b)	Kajian Teknik Tafsir	78
2.2.2	Kajian Kaedah Tafsir Berdasarkan Sesebuah Kitab Tafsir	87
2.2.3	Kajian Pengaplikasian Kaedah Tafsir	92
2.2.4	Kajian Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	95
2.3	Analisis Kajian Lepas	104
2.4	Sorotan Karya	105
2.4.1	Kaedah Tafsir	106
2.4.1 (a)	Asas-Asas Kaedah Tafsir	106
2.4.1 (b)	Pembahagian Kaedah Tafsir	111
2.4.1 (c)	Pengaplikasian Kaedah Tafsir	115
2.4.2	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	116
2.5	Analisis Sorotan Karya	122
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	123
2.7	Rumusan	129

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	130
3.2	Reka Bentuk Kajian	130
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	136
3.3.1	Sumber Utama	138
3.3.2	Sumber Kedua	139
3.3.3	Sumber Ketiga	140
3.3.4	Sumber Keempat	141
3.4	Kaedah Penganalisan Data	142
3.5	Prosedur Kaedah Penyelidikan	147
3.6	Rumusan	149

BAB 4: PENDEKATAN, CORAK DAN TEKNIK TAFSIR

4.1	Pendahuluan	150
4.2	Pendekatan, Corak dan Teknik Tafsir	152
4.3	Pembahagian Pendekatan Tafsir	161
4.3.1	Pendekatan <i>Tafsīr bi al-Ma'thūr</i>	163
4.3.2	Elemen-Elemen Pendekatan <i>Tafsīr bi al-Ma'thūr</i>	170
4.3.2 (a)	Tafsiran al-Qur'an Dengan al-Qur'an	170
4.3.2 (b)	Tafsiran al-Qur'an Dengan Sunnah	174
4.3.2 (c)	Tafsiran al-Qur'an Dengan Pendapat Sahabat	177
4.3.2 (d)	Tafsiran al-Qur'an Dengan Pendapat <i>Tābi'in</i>	180
4.3.3	Pendekatan <i>Tafsīr bi al-Ra'y</i>	185
4.3.4	Elemen-Elemen Pendekatan <i>Tafsīr bi al-Ra'y</i>	193
4.3.4 (a)	Elemen <i>al-I'tiqād</i> (Kepercayaan)	194
4.3.4 (b)	Elemen <i>al-Ijtihād</i> (Daya Pemikiran)	195
4.3.4 (c)	Elemen <i>al-Qiyās</i> (Ukuran)	196
4.4	Pembahagian Corak Tafsir	198
4.4.1	<i>Tafsīr al-Fiqhiy</i>	200
4.4.1 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Fiqhiy</i>	202
4.4.1 (b)	Contoh Tafsiran <i>al-Fiqhiy</i>	203
4.4.2	<i>Tafsīr al-Ṣūfiy</i>	206
4.4.2 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Ṣūfiy</i>	211
4.4.2 (b)	Contoh Tafsiran <i>al-Ṣūfiy</i>	212
4.4.3	<i>Tafsīr al-Bayāniy</i>	213
4.4.3 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Bayāniy</i>	216
4.4.3 (b)	Contoh Tafsiran <i>al-Bayāniy</i>	217
4.4.4	<i>Tafsīr al-Ilhādiy</i>	217
4.4.4 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Ilhādiy</i>	219
4.4.4 (b)	Contoh Tafsiran <i>al-Ilhādiy</i>	220
4.4.5	<i>Tafsīr al-Falsafiy</i>	221
4.4.5 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Falsafiy</i>	224
4.4.5 (b)	Contoh Tafsiran <i>al-Falsafiy</i>	224
4.4.6	<i>Tafsīr al-Madhhabiy</i>	226
4.4.6 (a)	Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Madhhabiy</i>	227

4.4.6 (b) Contoh Tafsiran <i>al-Madhhabiy</i>	228
4.4.7 <i>Tafsīr al-‘Ilmiy</i>	229
4.4.7 (a) Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-‘Ilmiy</i>	231
4.4.7 (b) Contoh Tafsiran <i>al-‘Ilmiy</i>	232
4.4.8 <i>Tafsīr al-Adab al-Ijtimā‘iy</i>	233
4.4.8 (a) Elemen-Elemen <i>Tafsīr al-Adab al-Ijtimā‘iy</i>	235
4.4.8 (b) Contoh Tafsiran <i>al-Adab al-Ijtimā‘iy</i>	236
4.5 Pembahagian Teknik Tafsir	238
4.5.1 Teknik <i>al-Taḥlīliy</i>	239
4.5.1 (a) Elemen-Elemen Teknik <i>al-Taḥlīliy</i>	244
4.5.1 (b) Contoh Tafsiran Teknik <i>al-Taḥlīliy</i>	245
4.5.2 Teknik <i>al-Ijmāliy</i>	248
4.5.2 (a) Elemen-Elemen Teknik <i>al-Ijmāliy</i>	250
4.5.2 (b) Contoh Tafsiran Teknik <i>al-Ijmāliy</i>	250
4.5.3 Teknik <i>al-Muqāran</i>	252
4.5.3 (a) Elemen-Elemen Teknik <i>al-Muqāran</i>	254
4.5.3 (b) Contoh Tafsiran Teknik <i>al-Muqāran</i>	254
4.5.4 Teknik <i>al-Mawḍū‘iy</i>	256
4.5.4 (a) Elemen-Elemen Teknik <i>al-Mawḍū‘iy</i>	264
4.5.4 (b) Contoh Tafsiran Teknik <i>al-Mawḍū‘iy</i>	265
4.6 Rumusan	269

BAB 5: ANALISIS KAEDAH TAFSIR DARI PERSPEKTIF KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM (KPBI)

5.1 Pengenalan	270
5.2 Epistemologi dan Tasawur KPBI	271
5.2.1 Epistemologi KPBI	271
5.2.2 Tasawur KPBI	281
5.3 Epistemologi dan Tasawur Kaedah Tafsir yang Selari Dengan Epistemologi dan Tasawur KPBI	287
5.3.1 Epistemologi Kaedah Tafsir	287
5.3.2 Tasawur Kaedah Tafsir	292

5.3.2 (a) Keutamaan Terhadap Unsur Tauhid	293
5.3.2 (b) Penekanan Terhadap Ibadah dan Akhlak	297
5.3.2 (c) Kesepaduan Antara Ilmu <i>Naqli</i> dengan Ilmu <i>Aqli</i> Dalam Perkaedahan	301
5.3.2 (d) Bermatlamat Mencapai Kebenaran Hakiki	304
5.4 Analisis Kaedah Tafsir dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	308
5.4.1 Kedudukan Corak Tafsir dalam Reka Bentuk Kajian	311
5.4.2 Kedudukan Pendekatan Tafsir dalam Pengumpulan Data	325
5.4.3 Kedudukan Teknik Tafsir dalam Penganalisan Data	340
5.5 Rumusan	348

BAB 6: RUMUSAN APLIKASI PEMBINAAN KAEDAH TAFSIR SEBAGAI KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM (KPBI)

6.1 Pengenalan	350
6.2 Proses Pengaplikasian Kaedah Tafsir Sebagai KPBI	352
6.2.1 Reka Bentuk Kajian Berasaskan Corak Tafsir	357
6.2.2 Pengumpulan Data Berasaskan Pendekatan Tafsir	361
6.2.3 Penganalisan Data Berasaskan Teknik Tafsir	367
6.3 Keutamaan Kaedah Tafsir Sebagai KPBI	382
6.4 Rumusan	387

BAB 7: PENUTUP

7.1 Pengenalan	389
7.2 Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	389
7.3 Implikasi Kajian	395
7.3.1 Implikasi terhadap Pemahaman Konsep Kaedah Tafsir	396
7.3.2 Implikasi terhadap Pengaplikasian Kaedah Tafsir secara Teoretikal dan Praktikal sebagai KPBI	397
7.4 Saranan Kajian Masa Hadapan	398
7.4.1 Subjek Kajian	398
7.4.2 Skop Analisis Kajian	399
7.5 Rumusan	400

BIBLIOGRAFI	402
SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN	421

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Hubung Kait Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian	48
Jadual 2.1	Kajian-Kajian Kaedah Tafsir Berdasarkan Kitab-Kitab Tafsir	87
Jadual 3.2	Hubung Kait antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dengan Kaedah Penyelidikan	146
Jadual 6.1	Reka Bentuk Kajian Tafsir dan Fokus Penyelidikan	359
Jadual 6.2	Kaedah Penganalisisan Data dalam Kaedah Tafsir	367

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian	127
Rajah 3.1	Elemen-Elemen Reka Bentuk Kajian	135
Rajah 3.2	Prosedur Kaedah Penyelidikan	148
Rajah 4.1	Pendekatan, Corak dan Teknik Tafsir	151
Rajah 4.2	Aspek Pembahagian Kaedah Tafsir	158
Rajah 4.3	Elemen-Elemen <i>Tafsīr bi al-Ma'thūr</i>	164
Rajah 4.4	Elemen-Elemen <i>Tafsīr bi al-Ra'y</i>	186
Rajah 4.5	Aspek-Aspek Elemen Corak Tafsir	199
Rajah 4.6	Aspek-aspek Elemen Teknik Tafsir	239
Rajah 5.1	Analisis Aspek Kesesuaian antara Corak Tafsir dengan Reka Bentuk Penyelidikan	320
Rajah 5.2	Analisis Aspek Kesesuaian antara Kaedah Tafsir dengan Kaedah Pengumpulan Data Penyelidikan	330
Rajah 5.3	Analisis Aspek Kesesuaian antara Teknik Tafsir dengan Penganalisisan Data Penyelidikan	344
Rajah 6.1	Komponen-Komponen dan Bahagian-Bahagian dalam Penyelidikan	353
Rajah 6.2	Aspek Pengaplikasian Kaedah Tafsir dalam Penyelidikan	356
Rajah 6.3	Susunan Penarafan Jenis Sumber Data	362
Rajah 6.4	Proses Penganalisisan Data Teknik <i>al-Mawḍū'iy</i>	371
Rajah 6.5	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (a)	374
Rajah 6.6	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (b)	375

Rajah 6.7	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (c)	376
Rajah 6.8	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (d)	377
Rajah 6.9	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (e)	378
Rajah 6.10	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (f)	379
Rajah 6.11	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (g)	380
Rajah 6.12	KPBI Berdasarkan Kaedah Tafsir (h)	381

SENARAI SINGKATAN

a.s.	<i>'Alayh al-Salam</i>
Bil.	Bilangan
Dlm.	Dalam
ed.	Edisi
Ed.	Seorang Editor
H	Hijrah (tahun)
hlm.	Halaman
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (<i>Centre for Islamic Development Management Studies</i>)
Jld.	Jilid
M	Masihi (Tahun)
r.ah	<i>Radiy Allah 'anhum</i>
r.a	<i>Radiy Allah 'anh</i>
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Ṣalla Allah 'alayh wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥānah wa Ta'ālā</i>
t.t.	Tanpa Tahun
Terj.	Terjemahan
Vol.	<i>Volume</i>

PANDUAN TRANSLITERASI

i) Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sy	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ṭ

ii) Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
اَ	a	آ	ā	أَيَّ	ay
اِ	i	إِي	ī	أَوَّ	aw
اُ	u	أُو	ū		

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

APLIKASI KAEDAH TAFSIR DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

ABSTRAK

Kaedah penyelidikan lazim (KPL) dan kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI) merupakan dua kaedah penyelidikan yang berbeza. KPL terbina daripada tasawur lazim yang dipelopori oleh orang-orang Barat, manakala KPBI pula terbina daripada tasawur Islam yang dipelopori oleh orang-orang Islam. Dalam konteks penyelidikan kini, KPL telah menjadi suatu kaedah penyelidikan sejagat yang berlandaskan epistemologi dan tasawur pemikiran Barat seperti positivisme, bebas nilai dan hermeneutik. Persoalannya, apakah KPL ini relevan untuk digunakan bagi mengkaji tentang Islam dan perihal orang Islam sedangkan epistemologi dan tasawurnya berbeza? Adakah KPL yang mempunyai beberapa kelemahan dari sudut alat analisis dan falsafahnya ini boleh menghasilkan dapatan kajian yang selari dengan piawaian Islam? Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan untuk membina satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam bagi tujuan penggunaannya dalam bidang penyelidikan Islam. Untuk pembinaan ini, salah satu ilmu Islam iaitu kaedah tafsir al-Qur'an telah dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan suatu kaedah penyelidikan Islam yang sistematik dan komprehensif. Berdasarkan permasalahan yang timbul, kajian ini dilakukan dengan tiga objektif khusus. Pertama, mengenal pasti kaedah tafsir al-Qur'an. Kedua, menganalisis kaedah tafsir dari perspektif KPBI. Ketiga, merumuskan pembinaan kaedah tafsir untuk diaplikasikan dalam KPBI. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, kajian berbentuk kualitatif dijalankan menggunakan reka bentuk penjelasan terhadap kaedah tafsir. Data sekunder yang terdiri daripada kajian-kajian dan karya-karya klasik serta kontemporari diperoleh melalui kajian perpustakaan dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah

analisis kandungan. Akhirnya, kajian ini menghasilkan tiga dapatan. Pertama, kaedah tafsir merupakan satu gerak kerja ilmiah dalam memberi tafsiran kepada ayat-ayat al-Qur'an dan ia bertunjangkan kepada wahyu Allah SWT iaitu al-Qur'an dan Hadith Rasulullah SAW. Kedua, kaedah tafsir yang telah digunakan oleh *mufasssīrīn* (ahli-ahli tafsir) mempunyai tiga bahagian utama, iaitu pendekatan tafsir, corak tafsir dan teknik tafsir. Pendekatan tafsir terdiri daripada dua pendekatan iaitu *tafsīr bi al-ma'thūr* dan *tafsīr bi al-ra'y*. Corak tafsir pula terdiri daripada lapan corak, *tafsīr al-fiqhiy*, *tafsīr al-ṣūfiy*, *tafsīr al-bayāniy*, *tafsīr al-ilhādiy*, *tafsīr al-falsafiy*, *tafsīr al-'ilmiy*, *tafsīr al-madhhabiy* dan *tafsīr al-adab al-'ijtimā'iy*. Manakala teknik tafsir terdiri daripada empat teknik, *al-tahlīliy*, *al-ijmāliy*, *al-muqāran* dan *al-mawḍū'iy*. Ketiga, semua kaedah tafsir ini sesuai untuk diaplikasikan dalam KPBI berdasarkan tiga komponen dalam penyelidikan; pertama, corak tafsir sebagai penentuan reka bentuk kajian; kedua, pendekatan tafsir sebagai kaedah pengumpulan data kajian; dan ketiga, teknik tafsir sebagai kaedah penganalisan data kajian. Selain itu, hasil kajian mendapati kaedah ini mempunyai kekuatan khususnya dari sudut epistemologi, tasawur dan operasional yang menyeluruh terhadap penyelidikan Islam dan perihal orang Islam. Justeru, kaedah tafsir sebagai KPBI ini memberi implikasi dari sudut pemahaman tentang kaedah tafsir yang sebelum ini hanya digunakan dalam pentafsiran ayat al-Qur'an semata-mata.

THE APPLICATION OF *TAFSEER* METHODS IN ISLAMIC-BASED RESEARCH METHODS

ABSTRACT

The conventional research methodology (KPL) and the Islamic-based research methodology (KPBI) represent two differing research methodologies. KPL is built on conventional worldview pioneered by Western scholars while KPBI is rooted in Islamic worldview and pioneered by Muslims. In the context of research today, KPL has become the most widely accepted research methods based on the epistemology and worldview of Western thoughts such as positivism, value-free, and hermeneutics. This leads to the questions, is KPL relevant to be used to research on Islam and affairs of the Muslims when it differs in its epistemology and worldview? Is KPL with its limitations as a tool of analysis and its flawed philosophy capable of producing research findings which are in alignment with Islamic requirements? Thus, there is a need to develop a research methodology that is rooted in Islam which is to be used in conducting Islamic-based research. In developing this, one branch of Islamic knowledge that is the *tafseer* of al-Qur'an method has been identified to be of potential as a systematic and comprehensive Islamic research method. Based on the issues highlighted, this research was conducted with three specific objectives. First, to identify the *tafseer* of al-Qur'an methods. Second, to analyse the *tafseer* methods from the perspective of KPBI. Third, to develop the *tafseer* methods to be applied in KPBI. To achieve these three objectives, a qualitative study was conducted using explanatory design on *tafseer* methods. Secondary data comprising of document research on classical and contemporary works were analysed using content analysis method. At the end, three main research findings emerged from this study. Firstly, *tafseer* methods is a

scholarly endeavour at interpreting Qur'anic verses based on Allah SWT revelation that is the Qur'an and the *Hadith* of Rasulullah SAW. Secondly, the *tafseer* methods employed by the *mufassirin* (scholars of *tafseer*), comprise three main parts: the approach of interpretation, the design of interpretation and the technique of interpretation. There are two approaches of *tafseer* which are *tafsīr bi al-ma'thūr* and *tafsīr bi al-ra'y*. As for the design of interpretation, there are eight which are *tafsīr al-fiqhiy*, *tafsīr al-ṣūfīy*, *tafsīr al-bayāniy*, *tafsīr al-ilhādiy*, *tafsīr al-falsafiy*, *tafsīr al-'ilmīy*, *tafsīr al-madhhabiy* and *tafsīr al-adab al-'ijtimā'iy*. In the meantime, there are four *tafseer* techniques which are *al-tahlīliy*, *al-ijmāliy*, *al-muqāran* and *al-mawḍū'iy*. Thirdly, all these identified *tafseer* methods are suitable to be applied in KPBI grounded on the following three components of research: First, the design of interpretation as the study design; second, the approach of interpretation becomes the method for collecting data; and third, the interpretation technique becomes the method for analysing data. This study has found several advantages of employing this method, particularly from its epistemological, worldview and operational perspective which is comprehensive for conducting Islamic-based research and research on the affairs of the Muslims. As such, *tafseer* methods as a KPBI provide a serious implication derived from this research on the understanding on *tafseer* methods which prior to this has only been used solely in interpreting Qur'anic verses.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan meneroka dan menggilap kembali warisan keilmuan Islam untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Secara khususnya pula, kajian ini bertujuan meneliti dan menganalisis kaedah tafsir untuk diaplikasikan dalam bidang penyelidikan dalam konteks masa kini. Penganalisan ini bertujuan melihat kesesuaian elemen-elemen dan langkah-langkah kaedah tafsir yang boleh digunakan bagi membina kaedah penyelidikan yang beridentitikan Islam dan secara tidak langsung membentuk satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI).

Sebagai pengenalan, bab pertama ini memuatkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, sumbangan kajian dan susunan kajian diikuti dengan kesimpulan sebagai penutup.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penyelidikan umumnya merujuk kepada cara sistematik bertanya soalan dan satu kaedah sistematik untuk mengetahuinya (Drew & Harman, 1985:50). Menyelidik bermakna mencari jawapan kepada soalan-soalan yang bermain dalam fikiran

manusia, tetapi kaedah mencari jawapan itu haruslah dengan kaedah yang teratur, seperti yang diamalkan oleh komuniti saintifik¹.

Secara khusus, kaedah penyelidikan adalah kaedah bersifat saintifik yang dapat dihasilkan melalui cerapan dan huraian sistematik tentang fenomena tabii secara sistematik (Clagett, 1955:13). Ia juga merupakan ilmu yang dihasilkan melalui kaedah empirikal dan kuantitatif dengan pemerhatian sistematik atau cerapan serta logik fikiran (Taylor, 1996:4). Saintifik adalah penekanan yang diberikan kepada proses menghasilkan ilmu pengetahuan untuk menerangkan suatu fenomena. Dalam hal ini, penekanan yang diberikan adalah kepada logik penaakulan akal manusia dengan bersandarkan fakta atau andaian yang munasabah kepada pemikiran manusia (Rozmi Ismail, 2013:21).

Kaedah saintifik telah menjadi suatu kaedah penyelidikan sejagat yang mengikut acuan Barat. Metodologinya bukan sahaja digunakan dalam cabang sains tulen, tetapi turut digunakan dalam cabang sains sosial² (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:2). Adler (2008) berpendapat bahawa kaedah penyelidikan saintifik adalah suatu cara melakukan kajian empirikal dengan mengikuti objektif tertentu, logik dan mempunyai komunikasi antara penyelidik komuniti dengan menghubungkan antara kajian dengan teori. Dalam perkataan lain, kaedah saintifik bermula dengan masalah, kemudian penyelidikan dijalankan untuk mendapat jawapan secara sistematik dan

¹ Saintifik secara umumnya bererti sifat yang berhubung dengan sains (Shaharir Mohamad Zain, 2000:25). Secara istilah, ia didefinisikan sebagai sifat ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pengumpulan maklumat dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu subjek atau objek baik yang tersurat mahupun tersirat menggunakan kaedah-kaedah yang sistematik serta beracukan tasawur penyelidikannya (Yahaya Jusoh, 2007:6-8).

² Sains sosial juga dikenali dengan sains kemasyarakatan, ia merujuk kepada cabang ilmu antaranya ekonomi, sains politik, sosiologi, komunikasi, pendidikan dan psikologi (Neuman, 2011:8).

logik. Sejak dahulu lagi cendekiawan-cendekiawan Barat giat melakukan penyelidikan dalam pelbagai bidang ilmu dan menghasilkan teknologi yang canggih. Malah dalam teori pembangunan Barat, mereka menyatakan bahawa sains mewakili bentuk tunggal pengetahuan (Muhammad Syukri Salleh, 2003:10).

Zaman kini memperlihatkan para penyelidik sains sosial di Barat aktif melakukan kajian-kajian empirikal (fakta yang boleh disahkan melalui pancaindera) untuk mengukur hal-hal bersifat keagamaan terhadap seseorang individu dengan menggunakan pendekatan saintifik (Muhammad Syukri Salleh, 2012:266). Perkara ini boleh memberikan kesan kepada penyelidik Islam yang mengkaji perkara berkaitan Islam dan dipengaruhi oleh kaedah saintifik Barat yang tidak berteraskan Islam. Sekiranya diteliti dari sudut falsafahnya, konsep kaedah penyelidikan tersebut bertentangan dengan epistemologi dan pandangan alam atau tasawur Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2008:3-5).

Hakikatnya, dalam kajian tentang Islam dan orang Islam, tasawur Islam seharusnya dijadikan asas atau acuan kepada pembentukan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Oleh sebab ia merupakan acuan kepada kaedah penyelidikan, maka tasawur bagi kaedah penyelidikan berteraskan Islam mestilah menuruti tasawur Islam itu sendiri. Tasawur Islam mempunyai tiga asas penting yang perlu dituruti iaitu Allah SWT adalah Pencipta, manusia adalah makhluk dan alam semesta juga adalah makhluk (Muhammad Syukri Salleh, 2003:21; Mohd Shukri Hanapi, 2014:32; Fadzila Azni Ahmad, 2015:45).

Namun begitu, kaedah penyelidikan sains sosial tidak mengambil kira ketiga-tiga asas tasawur Islam ini dalam penyelidikan. Misalnya dalam penganalisan data yang digunakan dalam penyelidikan Islam juga adalah berasaskan falsafah hermeneutik berbanding tafsir al-Qur'an (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2016:294). Hermeneutik adalah *science of interpreting the Bible* (ilmu tafsiran mengenai *Bible*) yang mengandungi peraturan dan undang-undang bagi menyempurnakan tafsiran tersebut. Jika dilihat pada sejarahnya, ia berasal daripada bahasa Yunani, iaitu daripada kata dasar *hermeneuin* yang bererti menafsirkan atau menterjemahkan. Hermeneutik merupakan sebuah proses mengubah sesuatu situasi yang tidak dapat difahami (Anzaruddin Ahmad, 2005:15).

Oleh sebab itu, tugas utama hermeneutik adalah mentafsirkan sebuah teks klasik atau asing supaya difahami walaupun di tempat dan pada zaman yang berbeza (Sumaryono, 2003:24-25; Umiarso, 2011:193). Dalam hermeneutik turut mengandungi aturan-aturan dan susunan-susunan metodologi untuk diaplikasikan dalam pentafsiran yang membawa kepada pemahaman pembaca (Mircea Eliade, 1993:279; Raharjo, 2012:30).

Istilah hermeneutik muncul pertama kalinya dalam karya Johann Konrad Dannhauer pada tahun 1654, seorang ahli agama di Jerman. Sebagai seorang agamawan, hermeneutik yang dibahas ketika itu masih terbatas kepada pentafsiran teks-teks *Bible* (Rahardjo, 2008:54). Menurut Howell (2012:154), kalimah hermeneutik merujuk kepada nama dewa Yunani kuno iaitu Hermes yang tugasnya menyampaikan berita kepada manusia daripada tuhannya. Hermes bertugas mentafsirkan kehendak tuhannya yang bernama Orakel dengan bantuan kata-kata

manusia. Dengan demikian, fungsi Hermes sangat penting apabila terjadinya salah faham berkenaan arahan tuhanNya, maka dia perlu memainkan peranan penting dalam memberi tafsiran yang benar.

Dalam perkembangan seterusnya pada abad ke-17, pengertian hermeneutik beralih kepada penggunaan dalam agama Kristian dan Yahudi. Ia dimulai oleh para agamawan Yahudi dan Kristian dalam mengkaji secara kritis teks-teks dalam kitab suci mereka yang sentiasa mengalami perselisihan antara mereka. Bertitik tolak daripada permasalahan memahami teks tersebut, maka mereka memerlukan kaedah hermeneutik. Pada abad tersebut, mereka menerapkan kaedah hermeneutik untuk membongkar makna teks *Bible*. Hermeneutik berkembang dalam kalangan ahli gereja dan dikenal sebagai gerakan penterjemahan yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah falsafah. Perkara ini dinisbahkan sebagai langkah awal dalam pertumbuhan hermeneutik adalah gerakan interpretasi (*exsegesis*) pada awal perkembangannya (Sibawaihi, 2007:7).

Memasuki abad ke-18, falsafah hermeneutik mula dirasakan sebagai pencabar kepada ilmu sosial terutamanya ilmu sejarah dan sosiologi kerana ia mula berkembang dalam perbahasannya dan menggugat kaedah dan konsep ilmu sosial secara umum. Pada abad ke-20, kajian hermeneutik semakin berkembang. Schleiermacher, seorang ahli falsafah yang turut digelar Bapa Hermeneutik Moden telah memperluaskan skop penggunaan hermeneutik tidak hanya pada bidang sastera dan pentafsiran teks *Bible*. Ia melihat bahawa sebagai metode interpretasi atau pentafsiran, hermeneutik sangat besar ertinya bagi keilmuan dan boleh diadaptasi dalam pelbagai teori dan bidang keilmuan sehingga dalam penyelidikan kini yang

bertujuan menjelaskan hakikat makna dalam bentuk tersurat dan tersirat menerusi proses pentafsiran dan penganalisan teks (Akmal Bashori, 2013:4).

Mengenai perbincangan hermeneutik ini, dapat diketahui ia telah mengalami perluasan dan perkembangan yang panjang bermula daripada pendefinisian yang terhad pada perihal keagamaan dalam Kristian sehingga menjadi kian luas meliputi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan seperti sejarah, sosiologi, antropologi, estetika, sastera dan sebagainya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa asal usul lahirnya teori tersebut adalah berasal daripada nama tuhan Yunani ketika itu, Hermes. Malah, penggunaannya pada peringkat awal ialah menafsirkan *Bible* sahaja (Abdul Rahman Abdullah, 2002:140-141; Howell, 2012:154; Mazlan Ibrahim, Kamaruddin Salleh & Muhd. Najib Abdul Qadir, 2013:56).

Kaedah penganalisan data berasaskan teori hermeunetik ini telah digunakan secara meluas dalam kaedah penyelidikan sains sosial. Malah, ia turut digunakan dalam menjalankan kajian terhadap Islam dan orang Islam sedangkan dalam Islam telah wujud kaedah pentafsiran teks atau data yang dikenali dengan ilmu tafsir al-Qur'an dan kaedah tafsir al-Qur'an. Ilmu tafsir ini telah wujud sejak bertahun lamanya seiring dengan penurunan al-Qur'an dan ia mempunyai kaedah-kaedah sistematik dan komprehensif yang dikenali dengan tafsir al-Qur'an (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1993:42; Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd Najib Abdul Kadir, 2013:87; Wan Mohd Nor Wan Daud, 2016:294).

Tafsir al-Qur'an dapat berkembang kerana sifat ilmiah struktur bahasa Arab yang sama sekali tidak sama dengan hermeneutik. Tafsir al-Qur'an sangat penting kerana ia merupakan ilmu dasar yang membangunkan seluruh struktur, tujuan, pengertian pandangan dan kebudayaan Islam (al-Ṭabariy, 1992:8). Selain itu, tafsir mempunyai sifat tersendiri dan autoriti teks serta ketepatan yang melangkaui setiap zaman kerana berhubung secara langsung dengan Nabi Muhammad SAW daripada wahyu Allah SWT (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2016:294-296).

Ilmu tafsir umumnya ialah satu bidang ilmu yang membincangkan dan menjelaskan kehendak Allah SWT yang wujud dalam kitab al-Qur'an menurut keupayaan manusia (al-Dhahabiy, 2000:14). Lantaran itu, tafsir merangkumi semua usaha manusia untuk memahami pengertian dan kehendak kitab suci al-Qur'an. Ilmu tafsir al-Qur'an begitu penting sehingga sesetengah sarjana Islam menetapkan bahawa ilmu tafsir merupakan semulia-mulia ilmu di sisi agama Islam walaupun tidak secara mutlak kerana berdasarkan fungsi dan faedahnya yang luas (Rozali Adam, 1985:10).

Dengan berpaksakan fungsinya yang amat besar ini menyebabkan ilmu tafsir diberikan perhatian yang serius dan bersungguh-sungguh oleh para ulama Islam, menguasai ilmu ini merupakan salah satu syarat yang mesti ada bagi melengkapkan syarat-syarat lain untuk seseorang individu itu mencapai taraf *mujtahid*³. Seorang ilmuan itu dianggap sebagai *mujtahid* apabila ia dapat menguasai bidang ilmu tafsir

³ *Mujtahid* ialah orang yang berijtihad. Ijtihad menurut al-Āmidīy (1985) adalah usaha mencurahkan seluruh kemampuan untuk memperoleh hukum syarak yang bersifat *zann* sehingga merasakan dirinya sudah tidak mampu untuk melakukan tambahan daripada kemampuan tersebut. Al-Qaradāwīy (2002) bersetuju dengan definisi yang dikemukakan oleh al-Syawkānīy iaitu menggunakan kemampuan untuk memperoleh hukum syarak yang bersifat amali dengan cara *istinbāt* (pengeluaran hukum). Orang yang berijtihad dikenali dengan mujtahid dari kalangan ulama yang berusaha memahami dan menyelidik kehendak Allah SWT daripada sesuatu perkara bagi menetapkan hukum dan peraturan mengenainya. Syarat-syarat orang berijtihad ialah berakal, dewasa, mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tentang ilmu-ilmu agama, khususnya ilmu fiqh, usul fiqh hadith dan bahasa Arab (Mahayuddin Yahaya, 1987:840).

di samping kemahirannya dalam bidang-bidang keilmuan yang lain (Mat Saad Abdul Rahman, 1982:20).

Dalam proses pentafsiran al-Qur'an, kaedah yang digunakan oleh *mufassirīn* (ahli-ahli tafsir) perlu kepada penelitian yang tinggi dan berhati-hati agar tidak terkeluar daripada landasannya. Hal ini kerana, kaedah tafsir yang jitu mampu memberi pemahaman mendalam terhadap ayat-ayat al-Qur'an sekali gus terkesan pada jiwanya serta mengamalkan perkara yang dianjurkan oleh al-Qur'an. Sebaliknya tanpa kaedah tafsir yang sistematik membuatkan para pembaca jemu dan tidak meninggalkan kesan pada jiwanya serta tidak beramal dengan ajaran al-Qur'an. Oleh yang demikian, para ahli tafsir terdahulu telah membina pelbagai kaedah dalam mentafsirkan ayat-ayat suci al-Qur'an yang diguna pakai dalam tafsirannya (al-Qardāwī, 2001:18-19).

Kaedah-kaedah tafsir yang telah dibina oleh ahli-ahli tafsir tersebut merupakan salah satu daripada peninggalan keilmuan Islam yang perlu digilap kembali dan diaplikasikan dalam konteks masa kini, bukannya sekadar pengumpulan koleksi kaedah-kaedah dan buku-buku yang bersifat ideal yang hanya sesuai dijadikan sebagai khazanah tinggalan cendekiawan Islam ataupun sebagai rujukan Islam semata-mata.

Pentingnya kaedah-kaedah tafsir ini sehingga perbincangan kaedah tersebut dapat disaksikan dalam hampir setiap pendahuluan kitab-kitab tafsir al-Qur'an, bab khusus dalam kitab berkaitan ilmu al-Qur'an, kertas-kertas kerja, majalah, jurnal dan sebagainya. Perbahasan mengenainya tidak terhenti pada sesuatu zaman atau

keadaan walaupun telah bermula sejak lebih 1400 tahun dahulu pada zaman Rasulullah SAW. Malah terus berterusan selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan kini yang tersebar luas dan mendapat perhatian pengkaji-pengkaji al-Qur'an khususnya.

Sebenarnya, kaedah-kaedah yang dikembangkan oleh ahli-ahli tafsir ini menumpukan perhatian kepada pemahaman teks wahyu, penerapan ajaran-ajarannya untuk membimbing perilaku individu dan mengatur semula interaksi sosial. Dalam perkataan lain, kaedah tafsir ini merupakan suatu kaedah dalam penyelidikan khususnya yang berbentuk teks. Ia mempunyai gerak kerja yang sistematik serta terkawal bagi mengawasi setiap perbincangan maksud ayat-ayat al-Qur'an agar tidak terkeluar dari landasannya.

Maka, melalui huraian awal ini dapat disimpulkan bahawa kaedah tafsir adalah suatu kaedah yang serupa dengan bidang penyelidikan. Kaedah tafsir mempunyai potensi untuk dijadikan satu kaedah penyelidikan kerana padanya mempunyai teknik-teknik dan tata cara tersendiri dalam mengkaji atau menghuraikan ayat-ayat al-Qur'an. Namun begitu, para sarjana Muslim tidak banyak memberikan perhatian pada kajian tentang perilaku sosial yang tidak termasuk dalam norma-norma wahyu⁴ (Louay Safi, 1998:vi). Maka kaedah tersebut kekal sebagai kaedah dalam melakukan tafsir al-

⁴ Wahyu dari sudut bahasa ialah memberitahu atau percakapan mengenai sesuatu secara tersembunyi seperti ilham atau isyarat (Ibn Manzūr, t.th:4787). Dari sudut istilah bermaksud ilmu yang dimiliki oleh seseorang dengan yakin bahawa segala yang dimiliki itu ialah daripada Allah SWT. Wahyu dikurniakan kepada para Nabi dan para Rasul sama ada melalui perantaraan Jibril a.s atau secara langsung, sama ada boleh didengari atau pun tidak didengari (al-Qaṭṭān, 1998:29-30). Kandungan wahyu tersebut ialah suruhan dan larangan yang ditetapkan oleh Allah SWT (Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abd. Rahman, 2011:475). Wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW pula adalah melalui dua cara, pertama ialah wahyu yang sangat berat untuk ditanggung oleh Baginda SAW disebabkan bunyinya menyamai bunyi loceng besar yang mempunyai dentuman yang sangat kuat, dan kedua ialah wahyu yang dibawa oleh Jibril a.s yang datang menyerupai seorang manusia lelaki. Wahyu dalam bentuk kedua ini lebih ringan bagi Baginda SAW menerimanya berbanding dengan cara yang pertama (al-Qaṭṭān, 1998:33-34).

Qur'an semata-mata tanpa dimanfaatkan dalam bidang yang lain. Dalam permasalahan ini, Muna Abū al-Faḍl (1990:28) menegaskan untuk memberikan sumbangan bagi pembentukan suatu kaedah penyelidikan sosial Islam yang benar, para ilmuan Muslim harus melakukan penerokaan yang serius terhadap sumber-sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Dengan gesaan ini, penyelidik berusaha mengaplikasikan kaedah tafsir al-Qur'an sebagai satu kaedah penyelidikan yang digunakan pada konteks masa kini.

Sekiranya kaedah penyelidikan berdasarkan kaedah tafsir ini dapat dibina, ia merupakan kaedah penyelidikan yang berasaskan ilmu Islam. Selain itu, ia dilihat dapat memenuhi keperluan serta prinsip Islam berbanding dengan kaedah penyelidikan lazim yang banyak digunakan kini. Kaedah ini juga dapat memberikan sumbangan kepada penyelidik bukan Islam jika mereka ingin menggunakan satu kaedah penyelidikan yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini kerana salah satu keistimewaan kaedah tafsir adalah berjaya mengekalkan keaslian ilmunya yang bersambung dengan Rasulullah SAW dan mempunyai hubungan rapat dengan bidang penyelidikan. Bagi membuktikan perkara ini, ia perlu dilihat kembali kepada sejarah permulaan kaedah tafsir al-Qur'an, perkembangan dan pembahagiannya yang bermula dari zaman Rasulullah SAW dan para Sahabat r.ah sehingga kini. Hal-hal yang berkaitan ini diperincikan penyelidik dalam bahagian seterusnya.

1.2.1 Sejarah Perkembangan dan Pembahagian Kaedah Tafsir al-Qur'an

Sejarah perkembangan tafsir dan kaedah tafsir ini penting untuk dijelaskan kerana ia memperkuatkan lagi kefahaman tentang keutamaan pembinaannya sebagai satu kaedah penyelidikan. Perkara ini bertepatan dengan saranan Rosenthal (2007:20) seperti berikut:

“Sudah tentu generasi akan datang mampu memberi tambahan kepada pengertian yang luas terhadap tafsir yang telah ada khususnya terhadap aspek ilmu-ilmu sains (*natural sciences*). Namun begitu, mereka tidak dapat menafikan penjelasan spiritual, akhlak dan hukum serta hubungan latar belakang sejarahnya. Syarat-syarat yang ketat dalam pentafsiran al-Qur'an bukanlah suatu usaha untuk menjauhkan al-Qur'an daripada orang Islam, melainkan ia adalah suatu sikap yang adil terhadapnya dan ia juga mekanisme efektif untuk mengurangkan kesalahan dan kekeliruan dalam tafsiran. Daripada membiarkan terjadinya liberalisasi pentafsiran al-Qur'an yang berdasarkan kejahilan, tekaan, kesamaran dan kepentingan peribadi, Islam menggalakkan belajar dan pencarian ilmu pengetahuan melalui sejarah tafsir sebagai dasar pemahaman yang jitu”.

Atas saranan ini, kaedah tafsir perlu diteliti bermula daripada pendefinisian dan sejarah kemunculannya. Kaedah tafsir ialah tatacara dan proses yang dilakukan oleh *mufassirīn* dalam menerangkan maksud ayat-ayat al-Qur'an (al-Jurjāniy, 1985:90; al-Sabt, 2000:30). Kaedah ini penting dalam melakukan penerangan berhubung dengan firman Allah SWT kerana dua perkara utama. Pertama, kerana penerangan tersebut berkaitan sumber tertinggi Islam iaitu wahyu Allah SWT, al-Qur'an al-Karīm; dan kedua, kerana penerangan tersebut bertujuan memberi kefahaman kepada para pembaca khususnya umat Islam dalam menghayati ayat-ayat al-Qur'an.

Berhubung dengan perkara pertama, iaitu objek tafsiran al-Qur'an, maka sememangnya penelitian yang mendalam harus diterapkan dalam penerangan tersebut yang disebut sebagai tafsiran. Al-Qur'an berbeza dengan penulisan-penulisan manusia kerana ia daripada Allah SWT yang dipelihara daripada sebarang perubahan atau penyelewengan (al-Zarqāniy, 1988:10).

Berhubung perkara kedua pula, iaitu objektif tafsiran tersebut adalah memberi kefahaman kepada umat Islam dalam memahami isi kandungan al-Qur'an dan beramal dengannya juga merupakan perkara yang penting. Dengan tafsiran yang benar, umat Islam berpegang dengan Islam yang benar, begitu juga sebaliknya. Lebih daripada itu, melalui penafsiran-penafsiran al-Qur'an juga memberi impak yang sangat besar terhadap maju atau mundurnya sesuatu bangsa. Dengan berpaksikan kefahaman al-Qur'an yang benar, menjadikan bangsa tersebut maju dan aman daripada sebarang permasalahan semua sudut (M. Quraish Shihab, 2006:51).

Oleh itu, berdasarkan dua perkara yang disebut sebelum ini, menjadikan *mufassirīn* berhati-hati dalam mentafsirkan al-Qur'an serta meletakkan kaedah yang tepat ketika melakukan tafsiran. Kaedah yang diterapkan pula dalam pentafsiran berbeza antara satu sama lain berdasarkan ilmu serta kecenderungan *mufassir*.

Sejarah perkembangan tafsir al-Qur'an secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga peringkat utama (al-Dhahabiy, 2000:27). Peringkat pertama ialah tafsir pada zaman Rasulullah SAW; kedua, tafsir pada zaman Sahabat r.ah; dan ketiga, ialah zaman *tābi'īn* r.a.

Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan beliau sendiri merupakan pentafsir pertama kepada kitab suci al-Qur'an berdasarkan dua firman Allah SWT:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٨﴾
ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya dan membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya, maka ikutilah bacaan itu. Kemudian sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya” (al-Qiyāmat, 75:17-19).

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ
يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya” (al-Naḥl, 16: 44).

Berdasarkan ayat 17 sehingga 19 Surah al-Qiyāmat, Allah SWT menegaskan proses pengumpulan al-Qur'an, proses pembacaan al-Qur'an dan penjelasan al-Qur'an semuanya datang daripada Allah SWT. Kemudiannya bacaan tersebut diikuti oleh Rasulullah SAW. Manakala ayat 44 Surah al-Naḥl, Allah SWT menerangkan tugas Rasulullah SAW adalah memberi penjelasan kepada manusia dengan apa-apa yang diturunkan kepada mereka iaitu al-Qur'an.

Berdasarkan ayat-ayat ini, ia jelas membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah ditugaskan untuk memelihara al-Qur'an di samping memberi pengertiannya kepada manusia. Penerangan dan penjelasan Baginda SAW merupakan titik tolak pertama bagi ilmu tafsir, dan sesungguhnya pada permulaan Baginda SAW hanya memberi penjelasan kepada para Sahabat r.ah berhubung dengan ayat-ayat yang kurang difahami oleh mereka (al-'Akk, 1986:33; al-Qaṭṭān, 1998:12).

Keadaan ini berterusan sehingga wafatnya Rasulullah SAW, namun begitu tidak semua penjelasan Baginda diketahui kerana tidak sampainya riwayat-riwayat tentangnya atau kerana Rasulullah SAW sendiri tidak menjelaskan kesemua kandungan al-Qur'an bahkan baginda hanya menjelaskan sedikit sahaja pengertian al-Qur'an kepada para Sahabat r.ah (M. Quraish Shihab, 2006:50). Kekaburan para Sahabat r.ah dalam memahami sebahagian ayat al-Qur'an dan juga penjelasan Rasulullah SAW mengenai pengertian ayat-ayat tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam kitab-kitab Hadith seperti *Saḥīḥ al-Bukhārīy*, *Saḥīḥ Muslim*, *Musnad Imām Aḥmad*, *Sunan al-Tirmidhiy*, *Ibn Ḥibbān* dan lain-lain (Mat Saad Abdul Rahman, 1982:24).

Peringkat perkembangan kedua tafsir al-Qur'an adalah pada zaman Sahabat r.ah. Ketika Rasulullah SAW masih hidup, tidak ada seorang pun dari para Sahabat yang bertindak mentafsirkan al-Qur'an. Semua perkara yang berkaitan dengan al-Qur'an mereka terus merujuk kepada Baginda. Namun setelah kewafatan Rasulullah SAW, pentafsiran al-Qur'an berpindah pula kepada para Sahabatnya dan mereka merupakan orang yang bertanggungjawab memberi pengertian ayat-ayat al-Qur'an,

menerangkan sebab penurunannya dan segala aspek lain yang berhubung dengan al-Qur'an (al-Qaṭṭān, 1998:307).

Hal ini berlaku kerana para Sahabat r.ah mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu generasi mereka sempat hidup bersama-sama dengan Rasulullah SAW dan menyaksikan suasana serta peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa turunnya ayat-ayat al-Qur'an. Berdasarkan suasana dan peristiwa yang berlaku di sekitar waktu penurunan ayat-ayat al-Qur'an, maka mereka dapat menentukan dengan jelas aspek-aspek sejarah penurunan serta sebab-sebab penurunan ayat-ayat al-Qur'an (Yusoh Ibrahim, 1992). Mereka turut mengetahui rahsia-rahsia al-Qur'an kerana diajarkan secara langsung daripada Rasulullah SAW dan mereka kaya dengan kaedah-kaedah yang diletakkan untuk mentafsirkan al-Qur'an (al-'Akk, 1986:44).

Di samping itu, para Sahabat r.ah mampu untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an dengan baik adalah kerana al-Qur'an itu diturunkan dalam bahasa Arab. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa tidak semua dari kalangan mereka yang memahami ayat-ayat al-Qur'an kerana tahap pemahaman mereka berbeza antara satu sama lain (al-Qaṭṭān, 1998:26).

Para Sahabat r.ah begitu berhati-hati dalam memberi tafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Perkara ini dapat diperhatikan apabila mereka menggunakan paling kurang empat rujukan utama sebelum mentafsirkan ayat al-Qur'an (al-Dhahabiy, 1992:60; al-Qaṭṭān, 1998:25; Mat Saad Abdul Rahman, 1982:20).

Rujukan mereka yang pertama ialah al-Qur'an itu sendiri, kerana dalam al-Qur'an terdapat beberapa ayat yang bersifat *mujmal* (ringkas), kemudian terdapat pula di bahagian lain daripada ayat al-Qur'an yang menjelaskan maksudnya secara jelas dan luas. Kadangkala datang juga ayat-ayat yang *mutlaq* (bebas) atau *'ām* (umum), kemudiannya diturunkan ayat-ayat yang membataskan maksudnya atau mengkhususkannya. Hal ini yang dinamakan tafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an (al-Qaṭṭān, 1998:307).

Hadith Rasulullah SAW digunakan oleh para Sahabat r.ah sebaik mungkin sebagai rujukan kedua dalam pentafsiran al-Qur'an. Mereka sering merujuk hadith-hadith Baginda sekiranya ada kemusykilan atau kekaburan dalam memahami ayat suci al-Qur'an (al-Qaṭṭān, 1998:307). Dalam situasi yang berlainan, Baginda Rasulullah SAW sendiri yang menerang kepada mereka tentang maksud sesuatu ayat apabila Baginda merasakan perlu. Tambahan pula, dalam al-Qur'an terdapat beberapa lafaz yang tidak diketahui kupasan maksudnya melainkan dengan adanya penjelasan daripada Rasulullah SAW seperti penjelasan yang berhubung dengan lafaz suruhan dan tegahan atau kadar sesuatu yang difardukan itu (al-Dhahabiy, 2000:65).

Rujukan ketiga ialah ijtihad dan keupayaan meng*istinbāḥ*kan (mengeluarkan) hukum. Para Sahabat r.ah ketika tidak mendapati maksud dalam al-Qur'an, dan tidak pula dalam Hadith-Hadith Baginda SAW, mereka akan terus berusaha untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an dengan ijtihad mereka berdasarkan kemampuan mereka sebagai bangsa Arab yang mengetahui selok-belok Bahasa Arab dan dapat memahaminya dengan baik. Maka tidak menjadi satu kesulitan bagi mereka untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an sekiranya dibandingkan dengan orang lain (al-Qaṭṭān, 1998:308).

Walaupun para Sahabat r.ah berkemampuan untuk berjihad sewaktu mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang tidak ada penjelasannya daripada al-Qur'an dan al-Hadith, namun oleh sebab kadar kemampuan mereka tidak sama tahapnya, maka timbul sedikit percanggahan pendapat antara mereka dalam mengupas sesuatu ayat tertentu. Sebenarnya, perselisihan yang timbul itu tidaklah meluas seperti yang berlaku pada zaman *tābi'in* kerana kedudukan para Sahabat r.ah itu sendiri yang begitu rapat dengan Rasulullah SAW. Mereka mendengar sendiri daripada Baginda SAW, ditambah pula dengan kesempurnaan penerimaan maklumat mereka mengenai sebab penurunan ayat al-Qur'an, *nāsikh* dan *mansūkh* dan sebagainya (al-Dhahabiy, 2000:70).

Rujukan terakhir bagi para Sahabat r.ah ialah *Ahl al-Kitāb* (orang yang berpegang pada kitab selain al-Qur'an iaitu Taurat, Injil dan Zabur) yang terdiri daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Hal ini berlaku kerana terdapat persamaan antara al-Qur'an dengan al-Taurat mengenai beberapa masalah, terutamanya mengenai kisah para nabi, kisah umat terdahulu, peperangan, kejadian makhluk, hari kiamat, kisah kelahiran Nabi Isa a.s dan mukjizatnya.

Kisah-kisah yang dinyatakan ini turut disentuh oleh al-Qur'an, tetapi hanya secara ringkas. Terdapat juga yang dikhususkan, tetapi hanyalah pada bahagian-bahagian yang boleh dijadikan pengajaran atau teladan sahaja tanpa huraian yang meluas dan mendalam. Oleh sebab itu, Sahabat Rasulullah SAW ketika ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kisah-kisah tersebut mereka merujuk kepada beberapa individu *Ahl al-Kitāb* yang beragama Islam seperti 'Abd Allah bin Salām⁵, Ka'ab al-Aḥbār⁶

⁵ 'Abd Allah bin Salām ialah salah seorang sahabat Nabi Muhammad SAW yang dahulunya merupakan seorang ulama Yahudi. Beliau telah masuk Islam ketika Hijrah Nabi SAW dari Mekah ke

dan tokoh-tokoh lain termasuk Yahudi dan Nasrani. Sebenarnya inilah yang merupakan benih lahirnya riwayat *isra'iliyyāt*⁷ (M. Quraish Shihab, 2006:67). Namun harus diketahui bahawa rujukan para Sahabat r.ah adalah terbatas hanya di bahagian-bahagian yang tidak terdapat penjelasan daripada Rasulullah SAW (al-Dhahabiy, 2000:70).

Ramai Sahabat r.ah yang melibatkan diri mereka dalam pentafsiran al-Qur'an. Mereka dikenali sebagai pakar-pakar tafsir atau *mufasssirīn*. Antara yang masyhur ialah sepuluh orang iaitu Abū Bakar al-Siddīq⁸, 'Uthmān bin 'Affān⁹, 'Alī bin Abī Ṭālib¹⁰, Ibn Mas'ūd¹¹, Ibn 'Abbās¹², Ubay bin Ka'ab¹³, Zayd bin Thābit¹⁴, Abu Mūsā

Madinah. Beliau merupakan seorang yang alim dalam ilmu agama khususnya dalam al-Qur'an dan telah menyebabkan ramai penganut Yahudi memeluk Islam serta sentiasa mendampingi Nabi SAW. Beliau meninggal dunia pada tahun 43 Hijrah (al-Sya'rāwiy, 2010:257).

⁶ Ka'ab al-Aḥbār ialah Abū Ishāq, Ka'ab bin Mā'ī al-Humayriy terkenal dengan Ka'ab al-Aḥbār. Beliau merupakan seorang penganut Yahudi di Yaman dan telah memeluk Islam pada pemerintahan 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. Mempunyai keluasan ilmu yang tinggi khususnya dalam tafsir dan telah memasukkan kisah-kisah *isra'iliyyāt* dalam tafsirannya. Beliau meninggal dunia pada tahun 32 Hijrah (al-Dhahabiy, 2000:135-136).

⁷ *Isra'iliyyāt* menurut istilah ahli tafsir ialah kisah-kisah Yahudi yang menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam melalui tafsir al-Qur'an yang banyak berlaku pada zaman *tābi'in*. Namun ulama tafsir dan hadith menggunakan istilah *isra'iliyyāt* terhadap perkara-perkara yang lebih luas termasuk cerita lama yang diadakan dan dimasukkan dalam tafsir. Bahkan sesetengah mereka menganggap ia adalah setiap kisah yang dicipta dan disampaikan oleh musuh-musuh Islam ke dalam tafsir dengan tujuan untuk merosakkan kesucian Islam (al-Dhahabiy, 1990:13; Mazlan Ibrahim & Ahmad Kamel Mohamad, 2004:25).

⁸ Abū Bakr al-Siddīq r.a. ialah 'Abd Allah Ibn Abī Quwaybat merupakan sahabat Rasulullah SAW ketika berada dalam Gua Thūr dan ketika berhijrah ke Madinah. Beliau adalah lelaki pertama memeluk Islam dan Khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW. Beliau berterusan mendampingi Nabi SAW. Selain itu, beliau seorang yang dermawan. Perkara ini terbukti ketika peperangan Tabuk, beliau telah mendermakan semua hartanya pada jalan Allah SWT bagi tujuan berperang. Beliau meninggal dunia pada tahun 13 Hijrah di Madinah dan dikebumikan berhampiran dengan maqam Rasulullah SAW (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009:151-152).

⁹ 'Uthmān bin 'Affān r.a. ialah Uthman bin 'Affān bin Abī al-'Āṣ bin Umayyāt bin 'Abd Shams bin 'Abd al-Manāf. Beliau merupakan salah seorang sahabat Rasulullah SAW yang dijanjikan syurga dan berperanan penting dalam pengumpulan al-Qur'an. Beliau ialah khalifah Islam yang ketiga dan meninggal dunia pada umur 86 tahun dikebumikan di Baqī' (al-Sya'rāwiy, 2010:100).

¹⁰ Alī bin Abī Ṭālib r.a. ialah 'Alī bin Abī Ṭālib 'Abd al-Manāf bin 'Abd al-Muṭallib bin Hāshim bin 'Abd al-Manāf, Abā al-Ḥaṣan. Beliau telah memeluk Islam sejak kecil dan merupakan khalifah Islam yang keempat selepas Uthmān bin Affān. Beliau meninggal dunia pada tahun 40 Hijrah dan dikebumikan di Kūfah (al-Sya'rāwiy, 2010:122).

al-‘Asy‘ariy¹⁵ dan ‘Abd Allah bin Zubayr¹⁶. Antara Sahabat r.ah yang dinyatakan ini, Ibn ‘Abbās r.a merupakan individu paling sesuai digelar dengan *mufasssir* kerana kesan dan peranannya dalam bidang tafsir yang amat banyak. Rasulullah SAW pernah berdoa untuknya dan beliau dinamakan oleh Baginda sebagai *Turjumān al-Qur‘ān* (penterjemah al-Quran) (Mat Saad Abdul Rahman, 1982; al-Suyūṭiy, 2008).

Lantaran itu, ijtihad dan pandangan para Sahabat r.ah merupakan perkara yang penting dalam memberi tafsiran al-Qur‘an. Perkara ini turut dikuatkan dengan pandangan Ibn Kathīr (t.th:32) dalam tafsirnya bahawa sekira tidak menjumpai

¹¹ Ibn Mas‘ūd r.a. ialah ‘Abd Allah bin Mas‘ūd bin Ghāfil bin Ḥabīb bin al-Huzayliy. Beliau merupakan orang keenam masuk Islam dan orang pertama menyaringkan bacaan al-Qur‘an di Mekah dihadapan orang kafir. Beliau memegang banyak rahsia Rasulullah SAW, meriwayatkan 848 hadith dan meninggal dunia pada tahun 32 Hijrah di Madinah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009:32-33).

¹² Ibn ‘Abbās r.a. ialah ‘Abd Allah Ibn Abbās Ibn ‘Abd al-Muṭālib al-Hamashiy al-Makkiy, Abū al-Abbāsiy. Beliau dilahirkan di Mekah tiga tahun sebelum hijrah dan merupakan sepupu kepada Rasulullah SAW. Beliau dikenali sebagai lautan ilmu atau pendita ummah kerana berkat doa Rasulullah SAW kepadanya supaya menjadi hebat dan faqih dalam agama. Beliau juga telah meriwayatkan sebanyak 1660 hadith dan mempunyai sumbangan yang besar dalam perkembangan Islam seawal usia belasan tahun. Ketika Rasulullah SAW wafat beliau berumur 13 tahun dan berterusan mengambil ilmu dari para Sahabat r.a yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 71 Hijrah di Madinah dan dikebumikan di sana (Muṣṭafā Sa‘id al-Khin, 1994:15; Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009:41-41).

¹³ Ubay bin Ka‘ab r.a. ialah Ubay bin Ka‘ab bin Qays bin ‘Ubayd. Merupakan sahabat Rasulullah SAW yang dikhususkan kehebatannya dengan ilmu al-Qur‘an dan berperanan penting dalam pengumpulan al-Qur‘an. Beliau meninggal dunia pada tahun 22 Hijrah (Ṣafwān ‘Adnān Dāwūdiy, 1994:156). Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi dalam bidang tafsir. Ketika di Madinah beliau telah terkenal dengan pusat pembelajaran ilmu tafsir al-Qur‘an dan mempunyai anak murid dari golongan *tābi‘īn* r.a yang ramai (al-Dhahabiy, 2000:76).

¹⁴ Zayd bin Thābit r.a. ialah Zayd bin Thābit bin Zayd bin Luzhan bin ‘Amrū bin ‘Abd ‘Auf bin Ghanam al-Khazrajy al-Anṣāriy. Beliau merupakan pakar dalam ilmu *farā‘id* (pembahagian harta pusaka) dan bertanggungjawab dalam pengumpulan al-Qur‘an. Beliau meninggal dunia pada tahun 45 Hijrah dan dikebumikan di Baqi‘ (Ṣafwān ‘Adnān Dāwūdiy, 1999:207).

¹⁵ Abū Mūsā al-Asy‘ariy r.a. ialah ‘Āmir bin ‘Abd Allah bin Qays Abū Burdaṭ bin Abī Mūsā al-Asy‘ariy. Beliau merupakan sahabat Nabi SAW yang mempunyai suara yang merdu seperti Nabi Dawud a.s. Seorang yang jujur, pintar dan dapat kepercayaan ramai dalam banyak peristiwa. Beliau meninggal dunia pada tahun 104 Hijrah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009:7).

¹⁶ ‘Abd Allah bin Zubayr r.a. ialah ‘Abd Allah bin Zubayr bin al-‘Awwām bin Khuwaylid bin Asad bin ‘Abd al-‘Azzā bin Quṣay al-Qarsiy al-Asadiy. Beliau merupakan sahabat Nabi SAW yang dijanjikan syurga dan berpegang teguh pada al-Qur‘an dan al-Sunnah. Seorang yang berani mempertahankan Islam sejak kecil. Beliau meninggal dunia pada tahun 72 Hijrah di Makkah (Mājid Lahhām, 1995:187).

tafsiran daripada al-Qur'an atau al-Hadith, maka rujuklah kepada pandangan para Sahabat r.ah. Mereka menyaksikan perkara-perkara yang hebat ketika penurunan al-Qur'an, di samping mempunyai kefahaman yang jitu, ilmu yang benar dan amalan yang soleh. Lebih-lebih lagi kepada ulama-ulama dari kalangan mereka seperti *Khulafā' al-Rāsyidīn* r.ah dan 'Abd Allah bin Mas'ūd r.a.

Peringkat perkembangan tafsir seterusnya, ialah pada zaman *tābi'in* r.ah. Tidak banyak berbeza dengan zaman sebelumnya iaitu zaman Sahabat r.ah. Hal ini kerana tafsiran para *tābi'in* r.ah hanya merupakan lanjutan daripada usaha-usaha para Sahabat r.ah sahaja. Tafsiran yang dilakukan berpandu kepada al-Qur'an itu sendiri, Hadith Rasulullah SAW, pendapat para Sahabat r.ah dan ijtihad mereka, tafsiran *Ahl al-Kitāb* dan tafsiran para *tābi'in* r.ah sendiri serta ijtihad mereka (al-Qaṭṭān, 1998:309).

Pada zaman ini, kisah-kisah yang digelar dengan *isrā'iliyyāt* mula meresapi dengan banyak berbanding sebaliknya pada zaman Sahabat r.ah. Para *tābi'in* r.ah banyak menerima penjelasan dan kupasan *Ahl al-Kitāb* mengenai beberapa perkara yang terdapat dalam al-Qur'an. Dalam konteks ini, beberapa tokoh yang beragama Islam yang sering disebut-sebut oleh ahli tafsir sebagai orang yang banyak memindahkan cerita-cerita *isrā'iliyyāt* ke dalam pentafsiran al-Qur'an. Mereka ialah 'Abd Allah bin Salām, Ka'ab al-Aḥbār, Wahb bin Munabbih dan 'Abd al-Mālik bin 'Abd al-'Azīz bin Jurayj. Melalui individu-individu inilah meresapnya pelbagai kisah *isrā'iliyyāt* dan kisah-kisah dongeng yang dilaporkan *Ahl al-Kitāb* dalam pentafsiran al-Qur'an (al-Qaṭṭān, 1998:29).